



**KETUA SETIAUSAHA**  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
ARAS 12, BLOK D1, KOMPLEKS D  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62546 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : 03-88868076  
Faks : 03-88891758

KDN.K.R.600-5/1/1 JLD. 3 (2)  
28 Ogos 2019

## **SEPERTI EDARAN**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

### **PERINGATAN PEMANTAPAN OPERASI DAN PERKHIDMATAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN SASARAN PENTING SEMASA CUTI UMUM SEPANJANG SAMBUTAN BULAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2019**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri /Datuk/  
Dato'/ Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri /Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan sedia maklum bahawa sepanjang sambutan Bulan Hari Kebangsaan Tahun 2019 akan ada beberapa Cuti Umum. Ada diantaranya jatuh pada hari Ahad. Seperti kebiasaan bagi negeri-negeri yang cuti hujung minggu pada hari Ahad, Cuti Umum tersebut akan dibawa kepada hari Isnin sebagai cuti gantian. Manakala cuti gantian Hari Kebangsaan tahun 2019 untuk negeri-negeri yang cuti hujung minggu pada hari Sabtu, adalah pada 02.09.2019 (Isnin). Berikut adalah senarai cuti umum sepanjang Bulan Hari Kebangsaan Tahun 2019:-

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh Cuti Kelepasan Am</b>	<b>Tarikh Cuti Gantian</b>	<b>Tarikh Hari Bekerja</b>
1.	31.08.2019 (Sabtu) (Hari Kebangsaan)	*02.09.2019 (Isnin)	03.09.2019 (Selasa)
2.	01.09.2019 (Ahad) (Awal Muharram 1441H)	02.09.2019 (Isnin)	03.09.2019 (Selasa)

3.	08.09.2019 (Ahad) (Hari Keputeraan Yang di- Pertuan Agong)	09.09.2019 (Isnin)	10.09.2019 (Selasa)
4.	16.09.2019 (Isnin) (Hari Malaysia)	-	17.09.2019 (Selasa)

\* Kelantan dan Terengganu

3. Sehubungan itu, semua pemilik/penghuni Sasaran Penting (SP) adalah diingatkan untuk memastikan keselamatan perlindungan Sasaran Penting termasuk keselamatan siber dapat ditingkatkan.

4. Dalam melaksanakan langkah-langkah keselamatan perlindungan ke atas SP, perkara-perkara seperti berikut perlu diberi perhatian:-

- 4.1 memastikan sistem keselamatan fizikal, termasuk sistem pencegahan kebakaran dan semua peralatan keselamatan berada dalam keadaan baik, mencukupi dan sedia berfungsi sepanjang masa;
- 4.2 memastikan dan memberi perhatian serius terhadap sistem kawalan dan rondaan keselamatan termasuk melaporkan kepada pihak berkuasa jika berlaku sebarang pelanggaran keselamatan;
- 4.3 pemilik, penghuni atau operator SP hendaklah menyediakan pelan kontigensi untuk memastikan operasi di instalasi termasuk hasil keluaran atau perkhidmatannya tidak terjejas.;
- 4.4 memastikan tanggungjawab serta taklimat diberikan secara khusus kepada petugas teknikal dan operasi agar pemeriksaan berkala di instalasi SP dapat dilaksanakan sepanjang cuti umum tersebut; dan

- 4.5 semua pegawai penting dan tenaga pekerja teknikal berada dalam keadaan siapsiaga dan perlu menyenaraikan senarai nama serta nombor perhubungan untuk tujuan perhubungan semasa kecemasan;
5. Segala perhatian dan tindakan yang diambil oleh pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' SERI ALWI BIN HJ. IBRAHIM)

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting

**Salinan Kepada:**

1. **YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Hj. Bakar**  
Ketua Setiausaha Negara  
Pejabat Ketua Setiausaha Negara  
Aras 4, Blok Timur  
Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya

**Edaran :**

1. **YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli Bin Haji Zainal Abidin**  
Panglima Angkatan Tentera Malaysia  
Markas Angkatan Tentera Malaysia  
Wisma Pertahanan  
50634 Kuala Lumpur
  
2. **YDH. IGP Dato' Seri Abdul Hamid Bin Bador**  
Ketua Polis Negara  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
50506 Kuala Lumpur
  
3. **YBhg. Dato' Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad**  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4, Blok B8  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya
  
4. **YM Engku Hamzah bin Tuan Mat**  
Ketua Pengarah Keselamatan Negara  
Majlis Keselamatan Negara  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras LG & G, Blok Barat  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya

**5. YBhg. Leftenan Jeneral Dato' Kamalruzaman bin Mohd Othman**

Ketua Staf  
Markas Angkatan Tentera Malaysia  
Kementerian Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 Kuala Lumpur

**6. YDH. CP Dato' Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani**

Pengarah  
Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam  
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia  
Bukit Aman  
50506 Kuala Lumpur

**7. YDH. DCP Dato' Sanusi bin Sidek**

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Selaku Setiausaha  
Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting  
Aras-1, 1 & 2 Blok B7, JPM  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya

**8. YBhg. Laksamana Maritim Dato' Mohd Zubil bin Mat Som**

Ketua Pengarah  
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 4-11, One IOI Square, IOI Resort  
62502 Putrajaya.

**9. YBhg. Dato' Haji Baharin bin Dato' Abdul Hamid**

Ketua Pengarah  
Jabatan Laut Malaysia  
Ibu Pejabat Laut  
Peti Surat 12, Jalan Limbungan  
42007 Pelabuhan Klang  
Selangor Darul Ehsan

**10. YBrs. Encik Ahmad Nizar bin Zolfakar**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)  
Aras 3, Blok Podium A/B,  
No.27, Persiaran Perdana, Presint 4  
62618 Putrajaya

**EDARAN KEPADA:**

Semua Setiausaha Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri

- *Dipohon untuk memanjangkan perkara ini supaya dapat diambil tindakan oleh*  
***pemilik/penghuni SP Negeri masing-masing***